

Author: Nik Jasni Che Jaafar

Date: 06 April 2010

News: Utusan Borneo

Language: Malay

Subject: Ekonomi

Page: B1

Kenaikan gaji untuk profesional

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
aileenkucheen@yahoo.com

KOTA KINABALU: Golongan profesional seperti doktor, saintis dan penyelidik mungkin akan menikmati kenaikan gaji agar mereka dapat menjalankan kajian tanpa perlu berhenti kerja.

Menjelaskan perkara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Maximus J. Ongkili berkata kerajaan merangka pelan untuk perkara itu agar kerja-kerja penyelidikan dapat dilaksanakan dengan lancar.

Katanya, ketikaini, kira-kira 80 peratus penyelidik adalah di bawah kerajaan manakala 4 daripada 5 penyelidik ini hanya meluangkan kira-kira 30 peratus waktu mereka untuk kerja-kerja penyelidikan.

"Hal demikian kerana mereka perlu membahagikan masa untuk kerja menyelidik, mengajar serta pengurusan dan ini memberikan gangguan kepada penggunaan kapasiti serta potensi keupayaan penyelidik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta (PEREKA) 2010 dan Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sirim dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), di Dewan Canselor, kelmarin.

Katanya, bidang inovasi telah menjadi salah satu jentera penting dalam persaingan jangka panjang, pertumbuhan dan bidang pekerjaan dan merupakan penggerak utama pertumbuhan ekonomi mapan.

"Justeru, ini menjadikan

"Hal demikian kerana mereka perlu membahagikan masa untuk kerja menyelidik, mengajar serta pengurusan dan ini memberikan gangguan kepada penggunaan kapasiti serta potensi keupayaan penyelidik."

Datuk Seri Dr Maximus J. Ongkili
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi,



TERMETERAI ... Dr.Kamaruzaman dan Dr.Zainal Abidin (kiri sekali) saling bertukar dokumen sambil disaksikan oleh Dr.Maximus (dua dari kiri) selepas majlis menandatangani perjanjian tersebut. Gambar oleh ROZZALIN HASHIM

bidang berkenaan menyediakan cabaran besar kepada para pereka," katanya.

Beliau berkata, keadaan ini menjadikan universiti dan pusat penyelidikan memainkan peranan penting dalam sistem inovasi nasional untuk menjana pengetahuan baru.

Menurut Maximus, untuk mengatasi masalah ini, kerajaan merangka pelan untuk meningkatkan gaji para profesional seperti doktor, saintis dan penyelidik agar mereka dapat menjalankan penyelidikan tanpa perlu meninggalkan kerja asal

mereka.

Katanya, keperluan untuk menggunakan kemahiran dan bakat bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan.

"Kita tidak boleh menempah untuk menjadi yang kedua terbaik sebaliknya sentiasa menjadikan yang terbaik sebagai sasaran," katanya.

Katanya, walau negara ini tidak kaya seperti kebanyakan negara membangun namun Malaysia masih melabur dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Namun, katanya, usaha penyelidikan ini seharusnya memberi manfaat kepada

orang ramai dan bukannya hanya pencapaian untuk penyelidik sahaja..

"Dengan sumber yang terhad, penyelidik harus mengutamakan keperluan dan pelaburan yang dibuat kerajaan bukanlah hanya statistik," katanya.

UMS diwakili Naib Canselornya, Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon manakala Sirim Bhd diwakili Naib Presiden (Bahagian Penyelidikan dan Teknologi), Dr Zainal Abidin Yusuf dan MyIPO diwakili Ketua Pengarahnya, Kamel Mohamad.